

tentu mereka tidak akan menegakkan kerajaan Republik Revolusioner.

Sekarang, dalam perjuangan yang pertama di Sumatera Tengah, pihak pusat telah dapat menghapuskan perjuangan-perjuangan besar maka dengan sendirinya di Sumatera, tanah yang hampir sekali dengan Semenanjung Tanah Melayu ini, akan timbul lagi peristiwa-peristiwa berdarah yang terbit oleh perbuatan kezaliman. Pusat sudah tentu akan menangkap orang-orang yang disyak oleh mereka dari semua bangsa termasuk orang-orang Cina! Sudah tentu pula, sebagaimana biasa berlaku, cara-cara Komunis menghadapi musuh-musuhnya akan dilakukan iaitu perkosaan-perkosaan berjalan. Beberapa banyak sudah orang yang ditangkap dan terus ditembak. Dipukul disiat dagingnya, digantung kakinya ke atas sedang ia disiksa untuk membuat pengakuan. Berita-berita ini semuanya telah sampai kepada pengetahuan kita.

Professor Bahder Johan, mahaguru yang telah meletakkan jawatannya sebagai menunjukkan perasaan tidak puas hati atas langkahan-langkahan pusat melakukan kekerasan di dalam penyelesaian sekarang, telah ditangkap oleh tentera kemudian beliau dikatakan dipukul sebelum diperintahkan untuk ditahan di dalam tahanan rumah. Pukulan itu merosakkan otak beliau. Kemudian oleh pemuda-pemuda Bentan beliau dilarikan lalu dibawa ke kampung seterusnya ke Sumatera Tengah. (Penangkapan ini dinafikan oleh Jakarta tetapi menurut keterangan yang kita dapat benar beliau ada di Sumatera).

Sedangkan kepada orang-orang bebas dan utama seperti beliau dilakukan demikian oleh tentera Indonesia maka apa lagi kepada yang lain-lainnya yang sedang dikejar-kejar oleh tentera dan kerana itulah tempat yang hampir sekali bagi orang-orang seperti ini untuk tempat mereka berlindung daripada kezaliman-kezaliman dan penganiayaan ialah Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu maka kalau dahulu pelarian-pelarian siasah atau pelarian-pelarian bangsa Indonesia yang berjuang dengan Belanda dibenarkan berselindung di Singapura sebagai refugee daripada dikejar-kejar oleh Belanda, maka mengapa pula sekarang kerajaan Singapura tidak membukakan pintunya untuk tempat perlindungan pelarian-pelarian perang saudara yang menjauhkan dirinya daripada perbuatan-perbuatan kezaliman dan aniaya yang dilakukan oleh tentera Indonesia?

Keganasan tentera Indonesia terhadap musuh-musuh mereka yang terdiri daripada bangsanya sudah terang berlaku. Apa lagi sekarang ini apabila mereka mendirikan di dalam tentera itu orang-orang dari parti Komunis yang terang-terang sudah memusuhi Islam dan memandang orang-orang Islam di Indonesia itulah musuh mereka yang utama. Banyak kezaliman-kezaliman yang telah dilakukan terhadap mereka yang menuntut keadilan.

Menurut tafsiran ahli-ahli siasah Islam di Indonesia semenjak Sukarno memerintah lebih daripada 1,500,000 orang-orang Islam yang telah menjadi korban sama ada yang masih meringkuk di dalam penjara, yang ditembak begitu sahaja kerana dituduh tentera Islam, kerana dirompak dan semuanya oleh tentera dengan melakukan tengkapan lalu menuntut bayaran dan banyak perkosaan-perkosaan lagi yang hebat sekarang dipercayai lebih hebat lagi apabila Komunis berdiri di belakang Sukarno.

Insyah-Allah pada satu masa kita akan menyiarkan berita-berita dasyat yang telah diderita oleh umat Islam Indonesia selama di bawah perintah Sukarno.

Oleh yang demikian, kita berharap kerajaan Singapura hendaklah membukakan pintunya kepada pelarian-pelarian siasah itu dengan memberi perlindungan kepada mereka daripada penganiayaan-penganiayaan kalau pun tidak seperti yang berlaku pada masa 1945-9 itu, tetapi berilah kelonggaran itu dengan cara peri kemanusiaan membantu orang-orang yang lemah yang terdesak dari tanah airnya sendiri dalam menegakkan satu cita-cita. Untuk menghancurkan communist di Indonesia.

Kita anjurkan memberi perlindungan ini ialah kerana kerajaan Singapura adalah mengutamakan peri kemanusiaan lebih daripada segala-galanya dan kepada mereka yang mencari perlindungan daripada buruan kerajaan pusat itu mestilah diperingatkan supaya mereka tidak akan membuat perkara-perkara yang melanggar undang-undang negeri ini.

\* \* \*

### **Membantu Iktisad Orang Melayu**

Suatu badan untuk menyiasat bagaimana caranya membantu iktisad orang-orang Melayu telah diadakan oleh majlis mesyuarat Persekutuan Tanah Melayu dalam sidangannya baru-baru ini. Tugas yang hendak dijalankan harus untuk

menyelidiki apa caranya atau apa jalannya supaya orang-orang Melayu dapat duduk sama rendah berdiri sama tinggi di dalam iktisadnya dengan lain-lain bangsa di Tanah Melayu ini.

Sesudah itu terbit pula di Kelantan hendak mengadakan suatu Kongres Ekonomi yang akan diselenggarakan oleh suatu badan yang akan menjemput pertubuhan-pertubuhan perniagaan dan orang-orang perseorangan untuk membuat suatu memorandum kepada kerajaan tentang cara mana iktisad bangsa Melayu ini patut dibantu dan disokong.

Kemudian A. Muhammad Tom bin Menas, Setiausaha Dewan Perniagaan Melayu di Kuala Lumpur, dikatakan memberi pula pendapatnya yang mengatakan: Bahawa yang perlu bagi orang-orang Melayu ialah modal.

Tatkala mengulas pendapat Setiausaha Dewan Perniagaan Melayu Kuala Lumpur itu Harian Melayu di ibu kota menyatakan pendapatnya bagaimana perlunya modal ekonomi orang-orang Melayu dan ia menafikan tuduhan bahawa sebab kelemahan iktisad orang-orang Melayu ialah kerana malas dan kurang berkemahuan.

Sebelum kita mengkaji lebih jauh bagaimana caranya yang patut kita buat di dalam memajukan iktisad orang-orang Melayu itu maka perlu kita perhatikan bahawa \$5,000,000 kerugian telah diderita oleh redha di dalam usaha mengadakan bantuan atas ekonomi Melayu, yang sebab-sebabnya telah pernah ditulis di sini kerana wang-wang bantuan itu diserahkan kepada orang-orang yang bukan ahlinya.

Yang akhir sekali pula kita dengar bahawa sungutan mengapa orang ramai tidak gemar dan tidak berkemahuan lagi menyokong syarikat-syarikat Melayu ialah kerana pengusaha-pengusahanya tidak amanah dan sebagainya.

Di dalam gambaran-gambaran yang yang tersebut ini moleklah kita kaji satu persatu akan kelemahan yang ada kepada orang-orang kita dan akan kekurangan-kekurangan yang ditanggung oleh perusahaan-perusahaan Melayu yang ada. Untuk mengkaji ini perlu kita pecahkan Kepada beberapa bahagian iaitu:

1. Kemahuan dan kecekalan dalam berusaha;
2. Modal
3. Menyuburkan perusahaan-perusahaan yang ada.

Kalau kita perhatikan, khususnya di Singapura ini, kebanyakannya daripada tuan punya-tuan punya pekedai-pekedai kecil adalah

yang asalnya makan gaji (jadi buruh) kepada taukeh-taukeh mereka. Sebelum ada peraturan-peraturan buruh yang menentukan jam-jam bekerja maka taukeh-taukeh berkuasa menentukan sesuatu yang menjadikan asas bagi pekerja-pekerjanya mestilah bekerja keras dan bersungguh-sungguh menjalankan usahanya di dalam perusahaannya itu. Ia tahu yang ia bekerja masa itu sebagai “banduan” tetapi kerana kerasnya perintah-perintah majikannya dengan sendirinya menimbulkan kemahuan untuk menjadi ahli perniagaan dan kemudiannya tempat ia bekerja itu dijadikannya sebagai tempat melatih dirinya berusaha kepada majikan itu di dalam perusahaan yang dijalankan mereka. Dengan rasa ini ia bersungguh-sungguh menjalankan pekerjaannya – dibuatnya pekerjaannya itu sebagai usahanya sendiri. Kerana kerajinannya itu akhirnya ia dipercayai dan dengan kepercayaan itulah ia lebih mendapat pengalaman dan apabila ia telah ada mempunyai sedikit simpanan wang maka ia pun berikhtiar berusaha sendiri dengan bersakit-sakit.

Dengan ini timbullah lagi sebuah perusahaan, yang kalau ia telah berbuat baik kepada majikannya, majikannya pula akan menolong dengan menjaminkan ambilan-ambilan dari tempat-tempat yang ia hendak mengambil barang-barang untuk diperniagakannya.

Kerana telah terlatih dengan-keadaan yang berat di dalam masa bekerja makan gaji, maka sudah tentunya di dalam usaha sendiri, ia akan terus menerus bekerja siang malam – menumpukan usaha dan kerajinannya sehingga berjaya – bersakit-sakit dahulu bersenang-senang kemudian – kata pepatah.

Dengan cara kesungguhan inilah kita lihat sama ada orang Melayu, orang India atau Cina dan lain-lainnya maju di dalam usahanya sehingga banyak di dalam masa tuannya menjadi hartawan.

Asas yang utama dijalankan ialah: Kesungguhan, kecermatan dan kerajinan. Kita melihat bahawa ahli-ahli perniagaan yang maju, dalam apa perniagaan pun, kesungguhan, rajin dan cermat itulah asasnya. Seseorang ahli perniagaan itu tidak mengira jam kerjanya – tidak mengira masanya. Kalau semangat ini tidak ada maka tidaklah akan dapat diharap orang-orang Melayu akan dapat memasuki usaha-usaha apa pun jua.

Berkenaan modal, memang modal perlu di dalam perniagaan, tetapi bagi ahli-ahli perniagaan yang sebenarnya sudah menjalankan perniagaan mengambil modal dengan bantuan-bantuan wang pinjaman umpamanya kerana meneruskan usahanya yang berjalan sudah barang tentu bererti menambah bebanan sebab bunga dari wang yang dipinjam itu apakah akan dapat ditutupnya dengan faedah yang didapatnya daripada usahanya. Kerana banyak daripada ahli-ahli perusahaan menjalankan usahanya kadar kekuatan dan daya upaya sahaja terutamanya pula mereka takut bahawa wang orang tatkala masuk di tangannya sudah sebagai wangnya sendiri – terus dibelanjakannya sehingga terjadilah, kerana kekurangan penyelidikan, bermilion-milion wang redha tidak menghasilkan seperti apa yang dikehendaki oleh tujuan asalnya: membantu iktisad orang-orang Melayu.

Sebab itu yang utama untuk membantu perusahaan-perusahaan Melayu yang ada, yang sedang berjalan usahanya ialah sebagaimana yang disebut oleh Raja Musa bin Raja Mahdi di dalam Majlis Mesyuarat Federal baru-baru ini bahawa yang utama ialah jauhkan persaingan perusahaan Melayu dengan perusahaan-perusahaan bangsa-bangsa lain dengan memberikan tender-tender yang tertentu yang boleh dibuat mereka. Kalau tender-tender umum, ertinya tender-tender bersama dengan perusahaan lain sudah tentu perusahaan asing akan lebih cergas dan sudah barang tentu tidak ada peluang orang-orang Melayu mendapatnya.

Banyak lapangan yang boleh diberikan kepada perusahaan-perusahaan Melayu untuk melayakkan mereka bersaing dengan perusahaan asing asakan mereka dilorongkan mendapat kerja-kerja yang dibuat oleh kerajaan – pada mulanya dengan jalan “kota”.

Kita beri sahaja satu misal yang dapat kita alami sendiri, umpamanya mengenai buku-buku Bahasa Melayu yang digunakan oleh Kementerian Pelajaran atau buku-buku lain-lain bahagian dari kerajaan. Kalau diselidiki tidak ada sebuah pun buku-buku itu yang dicetak oleh perusahaan-perusahaan Melayu pada hal hari ini, usaha-usaha Melayu di dalam percetakan, dengan tenaga mereka sendiri sudah pun boleh melayakkan diri mereka membuat kerja-kerja yang boleh dibandingkan dengan perusahaan asing sama ada yang di Singapura atau di Pulau Pinang. Kepada mereka, kita yakin, tidak perlu lagi diberikan pinjaman modal untuk membesarkan usahanya tetapi yang perlu bagi mereka ialah pekerjaan yang boleh

diberi oleh kerajaan supaya kelak melayakkan mereka boleh bersaing dengan perusahaan percetakan bangsa asing, kalau kerajaan tidak mengendahkan perusahaan mereka maka janganlah diharap mereka akan dapat menandingi perusahaan lain bangsa.

Orang ramai Melayu sendiri sekarang telah menyedari hal ini sambil bertanya: “Mengapa buku-buku Melayu yang digunakan di sekolah-sekolah kerajaan tidak dicetak dalam percetakan Melayu?”

Ini hanya sebagai satu contoh – ada banyak lagi perusahaan Melayu yang sedang berjalan yang boleh dibantu dengan memberi kerja-kerja yang boleh memberi bantuan kepada mereka untuk hidup dan untuk maju dan ini lebih selamat daripada berikan pinjaman modal, kerana modal ertinya memudahkan bagi suatu masa jangka pendek tetapi salah raba akan menyusahkan dalam masa jangka panjang!

\* \* \*

#### **Di Mana Tugas Kita?**

Apabila mulai dijalankan sahaja rancangan mengadakan Sekolah Menengah Melayu maka kesulitan yang pertama yang dihadapi olehnya ialah: Kekurangan buku-buku pelajarannya.

Ertinya sekolah-sekolah boleh dibuka, buku tidak ada. Dengan ini, timbullah suatu pertanyaan: Apa bolehkah Kementerian Pelajaran ataupun Dewan Bahasa mengadakan buku-buku untuk sekolah itu dalam masa segera? Soal ini tentunya sulit untuk menjawabnya kerana kalau usaha ini hanya dijalankan oleh mereka kemungkinan mengadakan buku-buku itu tidak akan dapat diadakan sekalipun dalam masa tiga atau empat tahun – sekiranya hanya dijalankan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka sahaja.

Untuk menyelenggarakan ini kita suka mengambil perhatian kepada salah satu keputusan Kongres Bahasa yang ketiga dalam menghendaki tertubuhnya Dewan Bahasa dahulu ialah: Dewan Bahasa hendaklah dari satu ke satu masa bekerjasama dengan penerbit-penerbit Melayu.

Kita tidak sekali-kali mengatakan bahawa tidak ada kerjasama di antara Dewan Bahasa dengan penerbit-penerbit Melayu di seluruh Persekutuan Tanah Melayu ini. Kita mengakui ada kerjasama itu tetapi kerjasamanya hendaklah dirapatkan